



UNIVERSITI KUALA LUMPUR BUSINESS SCHOOL

PEPERIKSAAN AKHIR**SEMESTER JANUARI 2016**

KOD SUBJEK : MPU3123
SUBJEK : TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN ASIA (TITAS)
PERINGKAT : IJAZAH PERTAMA
MASA : 2.00 – 5:00 PETANG / 3.00 JAM
TARIKH : 25 MEI 2016

ARAHAN KEPADA CALON

1. Sila baca dengan teliti arahan yang diberikan pada kertas soalan.
2. Kertas soalan ini dicetak pada kedua-dua belah muka surat.
3. Kertas soalan ini mmengandungi **TUJUH (7)** soalan.
4. Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja.
5. Sila tulis jawapan anda di atas buku jawapan yang disediakan.
6. Anda tidak dibenarkan membawa keluar kertas soalan ini dari dewan peperiksaan.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TIGA (3) HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Arahan: Jawab TIGA (3) soalan daripada soalan-soalan berikut.

Soalan 1

Isu mahasiswa lapar yang disiarkan oleh media sosial pada awal Januari 2016 menjadi berita hangat dalam dunia pendidikan Malaysia. Bincangkan **EMPAT (4)** implikasi isu 'Mahasiswa Lapar' ini terhadap perkembangan sistem pendidikan di Malaysia.

(20 markah)

Soalan 2

Dialog penting dalam mengatasi ketegangan kaum. Bincangkan **EMPAT (4)** mekanisma dialog.

(20 markah)

Soalan 3

Teori jaringan sosial dalam ilmu ketamadunan oleh ibn Khaldun menggambarkan bagaimana terjadi hubungan antara Umran Hadari dan Umran Badawi. Bincang serta kaitkan dengan kehidupan manusia sekarang dengan keharmonian agama.

(20 markah)

Soalan 4

Kemunculan Gerakan Kumpulan Islamic State (IS) di Iraq mendatangkan kesan negatif terhadap konsep **JIHAD** dalam Islam. Jelaskan pengertian dan konsep jihad sebenar dalam Islam.

(20 markah)

(Jumlah: 60 markah)

Bahagian B

ARAHAN: Jawab dua (2) soalan sahaja daripada soalan-soalan berikut.

Soalan 1

Malaysia dihangatkan dengan pelbagai isu sensitif seperti murtad, hudud, ISIS, penggunaan kalimah Allah dan pertukaran agama anak. Dalam hal ini, wajar diredakan isu-isu sensitif tersebut melalui dialog agama yang berkonsepkan toleransi terhadap satu sama lain.

- a) Bincangkan **TIGA (3)** halangan dialog antara agama.
- b) Kemukakan **TIGA (3)** mekanisma yang boleh bertindak sebagai isi perbincangan dialog menyelesaikan konflik pertukaran agama anak.

(20 markah)

Soalan 2

Tamadun Islam di India mencapai tahap yang tinggi dalam bidang sains dan teknologi. Bincangkan **EMPAT (4)** sumbangan tamadun India dalam bidang ini.

(20 markah)

Soalan 3

Bincangkan **EMPAT (4)** persediaan dan pendekatan yang perlu dihayati dan diusahakan bersama oleh seluruh warganegara Malaysia ke arah mengapai wawasan pembangunan dan tamadun Malaysia.

(20 markah)

(Markah: 40 markah)

~ KERTAS SOALAN TAMAT ~

